

Orang-orang Kadazan di Sabah dan Sistem Kepercayaan: Pelan Perancangan dan Strategi Pendakwahan¹

Amini Amir Abdullah

Abstract

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti perbezaan sokongan ibu bapa dan penghargaan sendiri di antara remaja pencapaian akademik tinggi dan rendah. Kajian telah dijalankan ke atas 158 orang pelajar tingkatan 4 dari 4 buah sekolah di Selangor dan Wilayah Persekutuan. Data dikumpul menggunakan borang soal selidik yang diisi sendiri oleh responden. Sokongan ibu bapa diukur menggunakan skala Kategori Sokongan Sosial Pearson (1982). Penghargaan sendiri diukur menggunakan "Self-Image Questionnaire for Young Adolescent" (SIQYA) (Petersen et al., 1984). Ujian-t digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan sokongan ibu bapa ($t = 5.19, p < 0.001$) dan penghargaan sendiri ($t = -5.21, p < 0.001$) antara remaja pencapaian akademik tinggi dan rendah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sokongan ibu bapa dan penghargaan sendiri remaja mempunyai sumbangan yang signifikan dalam menentukan tahap prestasi akademik remaja. Oleh itu, ibu bapa perlulah memberi sokongan yang sewajarnya kepada remaja, membantu remaja mempertingkatkan penghargaan sendiri dan berusaha memperolehi kecemerlangan akademik.

¹ Artikel ini merupakan kertas kerja yang telah dibentangkan dalam Borneo Research Council Seventh Biennial International Conference, 15 - 18 Julai 2002, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah.

Amini Amir Abdullah, PhD, is currently the Director of the Islamic Center, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

Pendahuluan

Kertas ini akan melihat sistem kepercayaan orang-orang Kadazan/Dusun di Sabah. Sistem kepercayaan orang-orang Kadazan/Dusun secara amnya mempunyai keunikannya yang tersendiri. Terdapat elemen-elemen ritual berasaskan kepada fahaman animisme dan interaksi dengan dunia roh dan semangat. Terdapat upacara-upacara "korban" yang bertujuan untuk mengwujudkan keseimbangan upacara *ritual* antara orang-orang Dusun/Kadazan dengan dunia roh dan semangat. Dalam metodologi dakwah, *mad'u* (pendakwah) mestilah mengetahui latarbelakang sistem kepercayaan orang yang didakwah termasuklah cara hidup, budaya, status sosio - ekonomi dan juga kehidupan mereka. Pendakwahan pula harus mempunyai pelan perancangan, persediaan dan strategi untuk mendekati mereka agar tidak mudah ditolak begitu sahaja oleh mereka. Pendekatan metodologi dakwah juga harus melihat kepada tahap pemikiran dan manhaj dakwah yang betul dan tepat agar objektif dapat dicapai. Kertas ini akan melihat perkara ini dan potensi masyarakat Kadazan/Dusun memahami agama rasmi negara secara lebih mendalam.

Latar belakang Masyarakat Kadazan/Dusun

Di Sabah, golongan Bumiputera terdiri daripada suku kaum Kadazan, Dusun, Murut, Bajau, Suluk, Bisaya, Brunei, Bajau, Tidaong dan lain-lain lagi. Istilah "pribumi" tidak lagi digunakan sebagai suatu panggilan nama sejak 24 April 1985. Pada asasnya, yang dikatakan sebagai Bumiputera Sabah mestilah warganegara Malaysia. Mereka terdiri daripada penduduk majoriti Sabah iaitu kira-kira 80% daripada keseluruhan penduduk. Ramai dari kalangan mereka yang masih hidup dengan kepercayaan pagan dan animisme sungguhpun tidak kurang juga yang beragama Islam dan Kristian.

Orang-orang Kadazan/Dusun memiliki rumpunan etnik yang mempunyai banyak persamaan antara satu sama lain kerana mereka bertutur bahasa dan dialek yang sama dan mempunyai banyak persamaan dari segi adat, budaya dan kepercayaan tradisi.

Kawasan penempatan orang-orang Kadazan/Dusun biasanya terdapat di lokasi pedalaman seperti Tambunan, Ranau dan Keningau. Mereka juga biasanya senang ditemui di kawasan pantai Barat dari Kudat hingga ke sempadan Sarawak. Orang-orang Kadazan/Dusun di Penampang dan Papar cukup senang dipanggil sebagai orang Kadazan sahaja. Ramai juga daripada kalangan mereka yang senang dipanggil dengan nama-nama puak seperti Lotud, Rungus dan sebagainya.

Mutu pendidikan di kalangan orang Kadazan masih lagi rendah seperti kadar kenal huruf dan literasi khususnya di kalangan masyarakat luar Bandar. Mutu kesihatan juga masih berada pada tahap yang rendah, begitu juga dari segi mutu kehidupan. Namun demikian, usaha-usaha sedang dijalankan oleh kerajaan untuk menghadapi cabaran ini.

Kepentingan Dakwah

Islam sebagai agama dakwah adalah agama yang boleh diikuti oleh sesiapa sahaja tanpa mengira latar belakang bangsa, ras, keturunan, warna kulit dan status ekonomi.

Dalam usaha dakwah, Allah s.w.t. tidak akan melihat sama ada usaha dakwah itu tercapai, akan tetapi Allah s.w.t. akan melihat apakah kita telah melakukan usaha-usaha dakwah ataupun tidak. Jika Allah hanya melihat kepada kejayaan semata-mata, sudah pasti Nabi Nuh a.s. akan berada di pihak yang serba salah kerana baginda hanya mempunyai kira-kira 13 orang pengikut setelah berdakwah selama 960 tahun. Begitu juga Rasulullah s.a.w. yang mempunyai hanya 65 orang pengikut setelah berdakwah selama 13 tahun.

Sistem Kepercayaan dan Sistem Nilai Orang Kadazan/Dusun

Secara dasarnya, empat kuasa roh dan semangat mempengaruhi sistem kepercayaan mereka seperti "Minamanggun" (Pencipta), "Koduduwo" (semangat manusia hidup), "Tombiruoh" (semangat orang mati) dan "Rogon" (semangat jahat).

Orang Dusun/Kadazan mempunyai adat resam yang tak bertulis dan mereka merupakan pemegang adat yang taat. Sungguhpun adat orang Kadazan/Dusun tidak bertulis, ia masih terpelihara hingga ke hari ini kerana ia diwarisi daripada generasi ke generasi. Faktor *survival* adat mereka kelak akan dipengaruhi oleh proses modenisasi, urbanisasi dan sosialisasi. Bagi mereka *truth* (kebenaran) akan sentiasa wujud. Kebenaran juga dikatakan bertitik tolak daripada adat. Justeru itu, membelakangkan adat akan menyebabkan malapetaka kepada masyarakat dan alam. Bertitik tolak daripada peraturan adat ini, kebanyakan mereka patuh kepada peraturan adat.

Ketua kampung menentukan hukuman ke atas pelanggaran adat dan hukuman biasanya berbentuk pembayaran ganti rugi (**compensation**). Pembayaran gantirugi diklasifikasikan mengikut kesalahan-kesalahan dan tujuan berikut:

- i. Menjatuhkan maruah orang lain (pembayaran gantirugi untuk kesalahan ini dipanggil "**kemaluan**"). Sebagai contoh, lelaki yang menyebabkan termengandungnya wanita akan diarahkan membayar "**kemaluan**" kepada waris wanita. Lelaki itu dianggap menjatuhkan maruah keluarga wanita. Lelaki itu akan diarahkan mengahwini wanita itu untuk mengelakkan maruah keluarga wanita daripada terus terjejas. Contoh lain yang dapat diberikan di sini ialah lelaki yang bersedudukan tanpa nikah dikehendaki membayar "**kemaluan**" kepada keluarga wanita.
- ii. Tindakan yang menjejaskan keharmonian dan menimbulkan bencana negatif, mengelakkan penyakit dan nasib buruk serta mengelakkan diri daripada hukuman kuasa ghaib (pembayaran gantirugi untuk kesalahan dan tujuan ini dipanggil "**kepanasan**") Sebagai contoh, lelaki dan wanita yang melakukan **madhangau** (berkesedudukan tanpa nikah) akan diarahkan membayar "**kepanasan**" kepada masyarakat kerana mereka dianggap melanggar norma masyarakat.

- iii. Mengganggu upacara *ritual*, mencederakan dan merosakkan harta benda (pembayaran gantirugi untuk kesalahan jenis ini dipanggil "**segit**")
- iv. Melakukan pemecahbelahan keakraban masyarakat atau bergaduh (pembayaran gantirugi untuk kesalahan jenis ini dipanggil "**babas**")

Norma masyarakat Kadazan/Dusun menyentuh aspek hubungan kekeluargaan, perkahwinan, aktiviti ekonomi dan elemen-elemen moral yang berkaitan dengan kemanusiaan. Istilah-istilah seperti **berkendak**, **lapau** dan **madhangau** berkaitan dengan hubungan-hubungan haram lelaki dan wanita tanpa pernikahan.

Pantang Larang

Pantang larang merupakan amalan biasa dalam masyarakat pagan dan mempunyai kepercayaan animisme. Kadang-kadang dalam masyarakat beragama pun, pantang larang menjadi semacam suatu kemestian dan melebihi nilai norma agama.

Pantang larang merupakan perkara yang agak dominan dalam kehidupan masyarakat Kadazan/Dusun. Pantang larang sewaktu isteri mengandung juga melibatkan suami. Suami misalnya tidak dibolehkan menggunting rambut ketika isteri mengandung kerana dikatakan rambut bayi akan menjadi panjang.

Upacara-upacara juga menjadi suatu kebiasaan khususnya dalam pertanian. Penyajian dan korban dilakukan untuk menyuburkan tanah dan mengembalikan semangat tumbuhan. Tanah sawah dan padi biasanya diberikan perhatian dengan melakukan upacara-upacara pemujaan dan penyajian.

Upacara-upacara

Upacara-upacara melibatkan hal-ehwal kelahiran anak baru, pertunangan, perkahwinan dan kematian. Nama kepada bayi yang baru dilahirkan akan diberikan segera oleh bidan (**mannikau**). Upacara **mintuhun** akan dilakukan sebaik sahaja usia bayi mencecah 1 tahun. Bagi perkahwinan, tugas merisik akan dilakukan dan kebiasaannya ibu bapa akan menentukan sama ada perkahwinan diteruskan ataupun tidak setelah menerima petanda mimpi. Hantaran pula melibatkan binatang ternakan, alat istiadat, **tasor** dan barang sakti. Perkahwinan melibatkan upacara makan sepinggan sesama pengantin, melawat rumah mertua dan kenduri-kendara serta pesta. Upacara kematian melibatkan berbagai jenis penyajian dan *ritual* seperti upacara menghalau hantu, menyalakan unggunan api, menangisi mayat, memacakkan bendera di kubur dengan kain tertentu, penanaman mayat berserta barang milik peribadinya, penyajian di kubur seperti meletakkan makanan dan rokok dan anggota-anggota binatang.

Pelan dan Strategi Pendakwaan

Berdakwah ibarat orang di medan perjuangan. Cara dan **uslub** (metodologi) dakwah

harus diperhatikan agar orang yang didakwahkan (al-Mad'u) dapat menerima apa yang didakwahkan. Cara dan uslub yang betul boleh memastikan matlamat dakwah tercapai. Cara dan kaedah berdakwah juga haruslah sepadan dengan tingkat pemikiran, tahap intelektual, budaya dan cara hidup dan persekitaran orang yang didakwahkan. Adalah satu **advantage** bagi pendakwah sekiranya ia dapat menguasai bahasa orang yang ingin didakwahkan.

Al-Quran telah menjelaskan beberapa prinsip dan konsep penting mengenai dakwah dan pendakwaan. Ayat-ayat Al-Quran ini mencakupi berbagai aspek yang perlu diberikan perhatian dalam usaha pendakwaan.

Cara Menyampaikan Dakwah

Kaedah dan cara menyampaikan dakwah telah disebutkan oleh Allah s.w.t. di dalam Al-Quran, iaitu:

“Serulah kepada jalan Tuhanmu dengan penuh bijaksana (hikmah) dan nasihat yang baik dan berdiskusilah dengan mereka dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu lebih mengetahui sesiapa yang sesat daripada jalanNya, dan dialah yang lebih mengetahui sesiapa yang mendapat petunjuk”.²

Seseorang pendakwah haruslah memikirkan tentang cara dan metodologi yang terbaik untuk melaksanakannya dakwahnya. Pokok persoalan utama dalam konteks dakwah ialah menyampaikannya dengan penuh hikmah, menggunakan psikologi, mengikut tahap pemikiran orang yang didakwahkan dan mengambil perkiraan-perkiraan yang sewajarnya apabila melakukan usaha dakwah.

Golongan intelek memang gemar untuk mencari kebenaran dan selalunya berfikir kreatif dan kritis. Golongan sebegini mestilah diberikan tumpuan daripada segi lontaran hujah-hujah aqli dan rasional yang boleh diterima oleh akal mereka. Penggunaan hikmah ketika ini ialah melalui kebijaksanaan pendakwah untuk menggunakan hujah-hujah akal yang boleh diterima oleh golongan sebegini.

Daripada kalangan masyarakat awam pula, mereka tidak mencapai tahap pemikiran seperti golongan intelek. Mereka tidaklah memikirkan perkara-perkara yang mendalam atau secara tuntas. Begitu juga pemikiran mereka tidaklah sekritis seperti golongan intelek. Justeru itu, pendekatan dakwah terhadap golongan ini ialah melalui gesaan, nasihat dan bimbingan yang baik-baik (*mau'izah hasanah*) yang mudah difahami dan ditanggapi. Penggunaan kaedah berdakwah yang terlalu bersifat konseptual dan kefalsafahan boleh membingungkan mereka. Maksudnya perkara-perkara sulit dan payah janganlah ditonjolkan sebaliknya dipermudahkan yang payah dan dipermudahkan yang mudah tanpa melanggar aspek-aspek prinsipal ajaran Islam itu sendiri.

² Surah Al-Nahl:125.

Golongan ketiga ialah golongan di antara kedua kumpulan di atas. Mereka ini mestilah diberi perhatian daripada segi perbincangan, diskusi dan perbahasan. Persediaan yang mencukupi mestilah dilakukan sebelum daripada mengadakan perbincangan dari segi segalanya termasuklah pembacaan, maklumat, kaedah berhujah dan sebagainya.

Beberapa perkiraan penting perlu diberikan perhatian oleh para pendakwah, antaranya:

- i. Pemilihan masa yang sesuai dan saat yang tepat. Termasuklah dalam hal ini kesesuaian waktu berbicara dan waktu berdiam sahaja agar kesampaian matlamat dakwah itu.
- ii. Mengetahui mentaliti dan tahap pemikiran orang yang didakwahkan. Ini boleh memberi motivasi untuk diri pendakwah dan menjangkakan persoalan dan permasalahan yang mungkin timbul.
- iii. Melihat konteks dan suasana persekitaran agar pendakwah memahami budaya dan cara hidup orang yang didakwahkan dan boleh mencari ruang-ruang yang memungkin dakwah itu berhasil dengan baik.

Pengertian Hikmah (Kebijaksanaan) Dalam Dakwah

Hikmah dalam dakwah bermaksud kemahiran dan kepakaran dalam berdakwah. Apabila seseorang pendakwah itu dikatakan sebagai berhikmah, maka ia dianggap sebagai mahir dalam bidang dakwah yang sesuai dengan kapasiti intelektual, persekitaran dan cara hidup orang yang didakwahkan. Berhikmah bermakna seseorang pendakwah itu menguasai ilmu berdakwah dan ilmu-ilmu mengenai orang yang didakwahkan dan dapat digunakan untuk menarik perhatian mereka sekurang-kurangnya dan semestinya hal ini dapat membantu dalam usaha mendakwah, insyaallah.

Ketepatan pemilihan cara terbaik dan menggunakannya dengan situasi, tempat dan persekitaran dan budaya termasuklah juga dalam erti kata berdakwah dengan berhikmah. Orang-orang Kadazan mempunyai orientasi kehidupan berekonomi secara bertani. Pemujaan dan amalan-amalan tahyul memang sebatu dalam amalan orang-orang Kadazan. Bermula daripada benih padi hinggalah kepada musim menuai, orang Kadazan mempunyai amalan pemujaan yang tertentu. Sebagai contoh, benih padi disiram air hikmat, korban untuk tanah bendang, penyajian kepada semangat padi dan pemujaan semangat padi ketika musim penunaian. Semua ini sudah semacam amalan turun menurun di kalangan orang-orang Kadazan. Ketika inilah, dakwah harus mengambil kira faktor ini dan memerlukan masa untuk mengubah amalan turun menurun ini. Rasulullah s.a.w. mengambil masa lebih 13 tahun untuk merobah amalan turun menurun masyarakat Jahiliyyah. Hal ini harus menjadi pedoman kepada kita ketika menjalankan usaha dakwah.

Di antara maksud hikmah ialah pemahaman rahsia dan faedah. Dalam konteks dakwah kepada masyarakat Kadazan, seseorang pendakwah harus boleh memahami "rahsia" budaya, kepercayaan dan adat resam orang-orang Kadazan sebelum berdakwah

kepada mereka. Pendakwah yang berhikmah akan cuba memahami kesemua elemen ini dalam usaha memudahkannya untuk mendekati, menarik perhatian dan melancarkan perjalanan dakwahnya. Pemahaman mengenai kepercayaan orang-orang Kadazan kepada syurga dan neraka dan Tuhan Kinorohingan boleh membantu pendakwah untuk menerangkan konsep Tauhid dan rukun iman dalam Islam. Hal ini mudah kerana mereka mempercayai kewujudan Tuhan. Apa yang perlu ditekankan ialah Tuhan dalam Islam mempunyai sifat keesaan dan tempat memohon, manakala syurga dan neraka ialah tempat membalas usaha kebaikan dan kejahatan yang dilakukan manusia semasa manusia di dunia.

Hikmah juga terkandung dalam pengertian kemanfaatan dakwah. Pendakwah haruslah memikirkan berbagai cara untuk mendekati yang didakwah agar usaha dakwahnya mencapai matlamat ataupun sekurang-kurangnya dakwahnya itu bermanfaat.

Dalam penggunaan kontemporari, hikmah juga diertikan dengan kebijaksanaan seseorang menggunakan psikologi dalam berdakwah iaitu menggunakan segenap potensi yang ada untuk menguasai orang yang didakwah. Adakalanya kaedah yang digunakan agak keras tetapi masih dalam suasana dan adab yang diajarkan oleh Islam agar yang didakwahkan tidak "melarikan diri". Adakalanya kaedah yang digunakan agak lembut tetapi masih dalam lingkungan kontekstual dakwah itu sendiri. Dalam sistem kepercayaan orang-orang Kadazan, masih lagi menebal kepercayaan pagan dan animisme serta kepercayaan kepada roh. Hal ini boleh dikikis secara beransur-beransur apabila mereka sudah komited dengan Islam. Janganlah hal ini pula dibangkitkan per se dalam dakwah dengan harapan ditinggalkan serta merta kerana ia sudah menebal dalam sistem kepercayaan itu sendiri.

Pendekatan Nasihat Yang Baik

Pendekatan cara ini memanglah boleh membuka hati nurani agar berfikir dan menerima dengan cara yang baik usaha dakwah. Oleh kerana manusia mempunyai hati, akal dan perasaan, pendekatan dengan cara menasihati melalui kaedah yang baik dan tidak menyakitkan hati atau mengguris perasaan boleh diterima oleh orang kebanyakan.

Dalam Al-Quran, Allah s.w.t. telah berfirman:

"Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah dan berkatalah dengan kata-kata yang tepat".³

Pedoman yang diberikan oleh Al-Quran ini boleh dijadikan panduan berdakwah iaitu pemilihan kata-kata yang tepat ketika berdakwah agar mencapai hasrat dan tujuan. Pendakwah haruslah menyatakan kebenaran yang dapat meresap ke dalam jiwa dan membangkitkan kesedaran dan keinsafan. Ketika ini, kalau perlu, pendakwah terpaksa menggunakan logik akal dan tidak menyakitkan hati atau mengguris perasaan. Berkaitan

³ Surah Al-Ahzab: 70.

perkara ini, cuba kita perhatikan kronologi pengharaman arak dalam Al-Quran. Pertamanya turun ayat yang menjelaskan bahawa arak itu mempunyai kebaikan dan kemudaratan, akan tetapi kemudaratan itu lebih teruk daripada manfaatnya.⁴ Hal ini disampaikan bertujuan untuk difikirkan dan dikaji oleh fikiran dari sudut positif dan negatifnya. Kemudiannya turun ayat seterusnya yang secara tegas melarang meminum arak yang boleh merosakkan pemikiran, individu dan masyarakat.⁵ Pada peringkat permulaan, penegasan Allah lebih kepada penjelasan dan penerangan untuk diambil perhatian dan kemudiannya membawa kepada penegasan dengan kata yang tajam “adakah kamu tidak mahu berhenti (daripada meminum arak) jua?”⁶

Nabi Musa dan Harun a.s. diarahkan oleh Allah s.w.t. untuk menyampaikan khabar gembira (**tabshir**) dan khabar peringatan (**inzar**) kepada Firaun dengan kata-kata yang lembut dan manis (**qaulan layyinan**). Hal ini terkandung dalam ayat berikut yang maksudnya berbunyi: “Pergilah kamu berdua kepada Firaun, sesungguhnya dia telah membuat kezaliman (iaini melampaui batas), maka kamu katakanlah kepadanya kata-kata yang manis lagi molek, mudah-mudahan ia akan ingat akan kebenaran atau merasa takut kepada azab Allah.”⁷ Firaun yang mengaku dirinya sebagai Tuhan didatangi oleh dua orang Nabi itu dengan diperkenalkan diri mereka sebagai utusan Tuhan Firaun. Ini menunjukkan bahawa mereka cuba menyedarkan Firaun bahawa yang sebenar-benar Tuhan ialah Tuhan mereka dan Tuhan Firaun sendiri dan bukannya Firaun itu Tuhan. Secara sinis, ini akan memperjelaskan siapakah Tuhan yang sebenarnya. Firaun tidak kelihatan marah sebaliknya menanyakan kembali soalan, “siapakah Tuhan kamu berdua, wahai Musa dan Harun ?”⁸

Dalam usaha dakwah, makian dan kata-kata kesat hanya memburukkan keadaan dan boleh menjauhkan orang. Apa yang perlu ialah menyampaikan, mempermudah dan tidak menimbulkan kebencian sehingga orang lari dari kita. Pendakwah haruslah mempunyai kesabaran yang tinggi dan sedia memaafkan. Allah s.w.t. berfirman: “Berilah maaf dan suruhlah berbuat baik dan tinggallah orang-orang yang bodoh itu.”⁹ Adakalanya dalam usaha dakwah, tenaga boleh ditumpukan kepada keutamaan yang lebih penting dan pengalihan tumpuan kepada kaedah lain. Namun demikian ini bukanlah bermakna seseorang pendakwah harus berputus asa.

Pendakwah juga haruslah memilih perkataan yang boleh menusuk jiwa iaitu **qaulan balighan** apabila usaha dakwah itu sudah sampai klimaksnya dan ketika titik pertemuan yang dicari berlarutan. Perhatikan contoh dalam Al-Quran mengenai ketegasan Nabi Muhammad s.a.w. tentang penyembahan Tuhan.¹⁰ Namun demikian, peluang untuk dakwah bukanlah tertutup dengan penegasan itu sahaja bahkan harus dicari ruang yang lebih baik.

⁴ Surah Al-Baqarah: 219.

⁵ Surah Al-Maidah: 90-91.

⁶ Surah Al-Maidah 91.

⁷ Surah Taha: 43-44.

⁸ Surah Taha: 49.

⁹ Surah Al-A'raf: 199.

¹⁰ Lihat Surah Al-Kafirun: 1-6.

Pendakwah harus ingat bahawa mereka membawa mesej junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. dan Allah s.w.t.. Ingatlah firman Allah s.w.t.:

“Maka adalah sebahagian daripada rahmat Allah bahawa engkau bersikap lemah lembut terhadap mereka dan sekiranya engkau berlaku kasar dan berhati bengis, tentulah mereka akan lari dari sekelilingmu; sebab itu maafkanlah kesalahan mereka dan mohonlah ampun untuk mereka.”¹¹

Kesimpulan

Pendakwah haruslah menguasai dan memahami kondisi dan budaya masyarakat yang ingin didakwahkan. Orang-orang Kadazan/Dusun mempunyai kepercayaan tradisi yang perlu diketahui dan dipelajari oleh para pendakwah sebelum terjun ke medan perjuangan. Kebolehan memanipulasi dan pengetahuan mengenai cara hidup orang Kadazan/Dusun boleh memberi *advantage* kepada usaha dakwah yang dijalankan. Pendekatan berbahas dengan cara yang baik dan teratur akan lebih berkesan sekiranya pendakwah mempunyai pengetahuan mengenai sistem kepercayaan, budaya dan cara hidup orang Kadazan/Dusun. Pendekatan berdakwah dengan memberikan tumpuan kepada ketua masyarakat dan ketua keluarga boleh mempengaruhi anak buah mereka. Hal ini perlu diberikan perhatian kerana kebiasaannya penerimaan ketua masyarakat dan keluarga akan memudahkan usaha dakwah kepada masyarakat setempat dan juga ahli-ahli keluarga lainnya. Pendakwah haruslah beristiqamah dan tetap pendirian.

¹¹ Surah Al-'Imran: 15.

Rujukan

Al-Quran Al-Karim

Arena Wati [1978], **Pribumi Sabah (Kadazan/Dusun)**, Kota Kinabalu: Yayasan Sabah.

Appell, G.N., "Ethnographic Profiles of the Dusun – Speaking Peoples of Sabah, Malaysia, **Journal of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society**, XLI, 2, December 1968, hal. 131-147.

Emban, Michael, "Bumiputera Sabah dan Cabaran Pembangunan Yang Dihadapi Masa Kini" dalam Hasan Mat Nor (editor) [1998], **Warga Pribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan**, Bangi: Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ibrahim Che Noh, "Dakwah Kepada Non-Muslim: Masalah dan Cabarannya" dalam Sidi Gazalba dan Zainab Ismail (eds.) [1993], **Dakwah Islamiah Malaysia Masakini**, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rutter, O. [1949], **The Pagans of North Borneo**, London: Macmillan.

William, T.R. [1965], **The Dusun, A North Borneo Society**, New York: Gilbert and Schilder.